

10 NOV 2002

Najib-SPR

SPR PERLU ATASI PENYELEWENGAN PEMINDAHAN PENGUNDI

PEKAN 10 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) perlu memikirkan kaedah bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan pemindahan pengundi ke kawasan lain oleh pihak tertentu.

Katanya tindakan parti pembangkang yang melakukan pemindahan pengundi itu ke kawasan tertentu untuk meraih kemenangan, menyalahi prinsip dan amalan demokrasi di negara ini.

"Kita serah pada Suruhanjaya Pilihan Raya dan Jabatan Pendaftaran Negara supaya tidak mahu ada tuduhan kita mempengaruhi badan bebas itu.

"Cara hendak membersihkan kita serahkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menentukannya," katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk kampung Jambu di sini malam tadi.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengenai kegiatan pihak tertentu memindahkan 2.8 juta pengundi berdaftar ke kawasan lain yang tidak ada kena mengena dengan mereka.

Dr Mahathir berkata kajian yang dibuat ke atas senarai daftar pemilih menunjukkan pengundi tidak mempunyai alamat atau sebarang kaitan sama sekali dengan kawasan baru itu.

"Jadi saya percaya Suruhanjaya Pilihan Raya dan Jabatan Pendaftaran Negara dapat memikirkan satu kaedah yang sesuai supaya amalan demokrasi kita tidak diselewengkan dengan strategi untuk memindahkan pengundi semata-mata untuk mencapai kemenangan," kata Najib.

Najib turut menyarankan supaya SPR mengemaskinikan daftar pemilih secara sistematik.

"Oleh kerana penguatkuasaan agak longgar pada masa itu, jadi soal pindah memindah pengundi ini mudah dilakukan seperti mana kita tahu berlaku di kawasan Anak Bukit dan Pendang.

"Di Kedah kita tahu pengakuan oleh PAS sendiri dalam bentuk arahan bertulis supaya ahli-ahli mereka dipindahkan ke kawasan yang dianggap sebagai kawasan keutamaan atau Dewan Undangan negeri sasaran.

"Jadi oleh kerana kita mengetahui ada arahan bertulis ini, bermakna perkara ini telah lama dilakukan oleh parti lawan, saya percaya (pemindahan pengundi) kebanyakan atas pengetahuan pengundi berkenaan dan mungkin ada yang dipindahkan tanpa pengetahuan mereka," katanya.

-- BERNAMA

MS HIS LAT